



POLITEKNIK BALIK PULAU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Pinang Nirai Mukim E
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
MALAYSIA



Tel : 04-868 9000
Faks : 04-869 2061
Laman Sesawang : pbu.mypolycc.edu.my
Facebook : Politeknik Balik Pulau

Rujukan Kami : PBU/PTD/10/05/1JLD.4(12)
Tarikh : 04 September 2023

PARA GRADUAN POLITEKNIK BALIK PULAU

Tuan/Puan,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK BALIK PULAU KE-11 TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Tahniah dan syabas diucapkan kepada tuan/puan kerana dengan jayanya telah menamatkan pengajian dan bakal menerima segulung diploma semasa Majlis Konvokesyen Politeknik Balik Pulau ke-11 yang akan berlangsung pada seperti ketetapan berikut:

| | | |
|---------------|---|---|
| Tarikh | : | 14 September 2023 (Khamis) |
| Masa | : | 8.00 pagi – 1.00 petang |
| Tempat | : | Dewan Seri Nirai, Politeknik Balik Pulau |

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan perlu merujuk ke laman sesawang <https://heppbu.com/konvokesyen/> bagi mendapatkan maklumat berkaitan garis panduan yang telah ditetapkan. Bagi melancarkan perjalanan majlis konvokesyen, para graduan **wajib** menghadiri **raptai majlis konvokesyen** yang akan diadakan pada **13 September 2023** dan perlu berada di Politeknik Balik Pulau seawal jam **8.00 pagi**.
4. Politeknik Balik Pulau amat mengalu-alukan kehadiran tuan/puan ke Majlis Konvokesyen ke-11 ini dan mengucapkan selamat bergraduat serta selamat maju jaya dalam segala bidang yang diceburi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HAJAH SALMI BINTI CHE MEH)

Pengarah
Politeknik Balik Pulau
Pulau Pinang